



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***FONOLOGI BAHASA KERINCI BERDASARKAN TEORI FONOLOGI
AUTOSEGMENTAL***

NUR FARAHKHANNA BINTI MOHD RUSLI

FBMK 2018 48



**FONOLOGI BAHASA KERINCI BERDASARKAN TEORI FONOLOGI
AUTOSEGMENTAL**

Oleh

NUR FARAHKHANNA BINTI MOHD RUSLI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

November 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

FONOLOGI BAHASA KERINCI BERDASARKAN TEORI FONOLOGI AUTOSEGMENTAL

Oleh

NUR FARAHHANNA BINTI MOHD RUSLI

November 2017

Pengerusi: Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan menjelaskan aspek fonologi bahasa Kerinci dari segi struktur suku kata dasar, inventori segmen bunyi, proses debukalisasi dan asimilasi fitur di rima akhir kata, serta penyukuan vokal tinggi di posisi koda. Kajian tentang struktur suku kata dasar bahasa Kerinci tidak banyak dibincangkan dalam kajian sebelum ini, dan kebanyakan analisis tentangnya belum mencapai kepada penjelasan.

Selain itu, wujud perbezaan pendapat tentang status segmen bertaraf fonem dan deskripsi yang berbeza-beza tentang rangkap vokal dan diftong bahasa Kerinci. Malah, proses debukalisasi dan asimilasi fitur di rima akhir kata, serta penyukuan vokal tinggi di koda perlu diberi penilaian semula untuk menjelaskan perubahan yang berlaku secara berpadu.

Setiap isu dianalisis dengan menggunakan teori fonologi autosegmental (Goldsmith, 1976/1990). Terdapat tiga proses dalam teori tersebut, iaitu proses penghubung, nyah hubung dan penyebaran fitur. Setiap proses dapat menjelaskan isu berkaitan dengan asimilasi fitur dan struktur suku kata berdasarkan geometri fitur model Halle (1992) dan model skeletal KV McCarthy (1981).

Data kajian terdiri daripada sumber sekunder dan primer yang diperoleh melalui kaedah kepustakaan, pemerhatian dan temu bual dengan bantuan alat perakam, borang soal selidik dan buku catatan. Informan terdiri daripada 10 penutur Kerinci dialek Semerap yang lahir di Kabupaten Kerinci, Sumatera Barat, Indonesia, berusia 50 tahun ke atas yang tinggal di Kampung Batu 21 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor lebih daripada 30 tahun, menerima

pendidikan formal yang terhad serta mempunyai kondisi organ pertuturan yang baik.

Dapatan kajian menunjukkan bahasa Kerinci mempunyai struktur suku kata dasar KVK dengan pola suku kata V, VK, KV dan KVK. Syarat koda bahasa Kerinci pula tidak membenarkan konsonan /s, p, t, k, r, m, n, ŋ/ berada di koda dan kekangan ini ditangani oleh proses debukalisasi, rumus pengguguran /r/, rumus nyah hubung fitur suara dan rumus asimilasi nasal. Terdapat juga kekangan yang tidak membenarkan vokal /i/ dan /u/ berada di nukleus suku kata akhir kerana penghubungannya dengan koda yang merealisasikannya sebagai bunyi geluncuran [j] dan [w].

Hasil kajian juga menunjukkan bahasa Kerinci mempunyai enam fonem vokal, iaitu /i, e, a, ə, u, o/ dan 18 fonem konsonan, iaitu /p, b, t, d, k, g, tʃ, dʒ, s, h, m, n, ɲ, l, r, j, w/ manakala [ɛ, ɔ, ʔ] merupakan segmen terbitan. Bahasa Kerinci mempunyai empat diftong, iaitu [aw], [aj], [oj], [ej] dan tiga rangkap vokal, iaitu [ae], [ao:] dan [ao].

Hasil kajian turut menunjukkan konsonan /s/ dan /p, t, k/ tidak dibenarkan berada di koda. Kekangan ini ditangani dengan proses debukalisasi yang merealisasikannya sebagai [h] dan [ʔ]. Selain itu, vokal dalam bunyi /as/, /up/, /ut/, /uk/ dan /ai/ akan direalisasikan sebagai [ɛh], [əʔ], [aʔ], [oʔ] dan [ej] akibat rumus asimilasi fitur yang melibatkan penyebaran fitur distingtif.

Akhir sekali, analisis penyukuan vokal tinggi di nukleus suku kata akhir mendapati bahawa vokal /i/ dan /u/ boleh dihubungkan dengan koda dan direalisasikan sebagai bunyi geluncuran. Malah, analisis penyukuan vokal tinggi di koda telah dapat menjelaskan penyisipan vokal [a] dalam output kata [mā.taj] 'mati', [sa.taw] 'satu', [tu.lajh] 'tulih' dan [ku.rawh] 'kurus' yang telah dijelaskan berdasarkan model skeletal KV model McCarthy (1981).

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

THE KERINCI PHONOLOGY BASED ON AUTOSEGMENTAL PHONOLOGY

By

NUR FARAHKHANNA BINTI MOHD RUSLI

November 2017

Chair: Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD

Faculty: Modern Language and Communication

The aim of this study is to describe the phonology of Kerinci language in terms of basic syllable structures, sound inventory segments, processes of debuccalisation and features assimilation at word final syllable rhyme, and syllabification of high vowels at coda position. Descriptions about basic syllable structures in Kerinci were not briefly discussed in previous studies, and therefore the analysis failed to achieve an explanatory adequacy.

Moreover, the results of previous studies are in contradictory, particularly about the phonemic status of the segments, and the descriptions about vowel sequences and diphthongs in the language. In addition, the processes of debuccalisation and features assimilation at word final syllable rhyme, and syllabification of high vowels at coda need to be re-examined in order to explain the phonological phenomenon adequately.

Each problem will be analyzed in this study by using the theory of autosegmental phonology (Goldsmith, 1976/1990). There are three processes involved in the theory which are linking, delinking and features spreading. Each process will be able to explain the issues related to the features assimilation and syllable structure based on features geometry model of Halle (1992) and CV skeletal model of McCarthy (1981).

This study merely utilizes secondary and primary data that were obtained through library research, observations and interviews with the aids of instruments such as recorder, questionnaires and notebooks. The informants were selected among ten native Kerinci Semerap dialect who were born in Semerap Village, West Sumatera, Indonesia. The informant's age was 50 years old and above, and has been living in Kampung Batu 21 Sungai Lui, Hulu

Langat, Selangor for around 30 years and above, received limited formal education and have good speech organ conditions.

The analysis shows that the basic syllable structures of Kerinci language is CVC with V, VC, CV and CVC pattern of syllables. The syllable coda condition in Kerinci language does not allow consonant /s, p, t, k, m, n, ŋ/ at coda position and this constraint is resolved by four phonological rules, namely debuccalisation, /r/ deletion, voices deletion and nasal assimilation. Besides, there is a nucleus condition that does not allow high vowel /i/ and /u/ at nucleus final position. Both vowel will be linked to the coda and realized as glides segments, which are [j] dan [w].

The finding also shows that Kerinci language has six vowel phonemes, which are /i, e, a, ə, u, o/ and 18 consonant phonemes, which are /p, b, t, d, k, g, tʃ, dʒ, s, h, m, n, ɲ, ɳ, l, r, w, j/ while [ɛ, ɔ, ʔ] are derivative segments. Kerinci language also has four diphthongs which are [aw], [ej], [oj] and [aj], and three vowel sequences which are [ae], [aɔ:] and [ao].

The consonants /s/ and /p, t, k/ at the coda position will undergo debuccalisation process and surfaced as [h] and [ʔ]. Furthermore, the vowel in /as/, /up/, /ut/, /uk/ and /aj/ sound will be realized as [ɛh], [əʔ], [aʔ], [oʔ] and [ej] due to assimilation rules which involved spreading of distinctive features.

Finally, the syllabification of high vowels at the nucleus of final syllable shows that vowel /i/ and /u/ are linked to the coda and realized as glides. In fact, the syllabification of high vowels at the coda position triggers the application of vowel [a] insertion rule in words such as [mã.taj] 'dead', [sa.taw] 'one', [tu.lajh] 'write' dan [lu.rawh] 'straight'. The phonological phenomena have been successfully explained by CV skeletal model of McCarthy (1981).

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya penulisan tesis ini telah dapat diselesaikan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz selaku pengerusi penyeliaan, Prof. Madya Dr. Raja Masittah binti Raja Ariffin dan Prof. Madya Dr. Mohd. Sharifudin bin Yusop selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis yang telah banyak memberikan pandangan, nasihat, bimbingan, tunjuk ajar dan motivasi yang berterusan sepanjang penyelidikan dijalankan.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YBhg. Profesor Dr. Zaharani bin Ahmad selaku pemerika luar kerana sudi meluangkan masa dan memberi bimbingan tentang kaedah analisis berdasarkan teori fonologi autosegmental yang sewajarnya.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada masyarakat Kerinci di Desa Semerap, Kecamatan Keliling Danau, Kabupaten Kerinci, Jambi dan keluarga di Padang, Sumatera Barat Indonesia yang telah banyak membantu saya menelusuri sejarah dan asal usul bangsa dan bahasa Kerinci. Tidak lupa juga kepada pihak Universitas Andalas, Kecamatan Pauh, Padang, Sumatera Barat Indonesia yang memberikan kerjasama untuk saya menemu bual pensyarah dan pelajar yang terlibat dalam kajian tentang sistem bunyi bahasa Kerinci. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua informan yang terdiri daripada penduduk Kampung Batu 21 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses pengumpulan data dijalankan.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada bapa saya Encik Mohd Rusli bin Salim, ibu saya Puan Maizan binti Jaafar, adik beradik, keluarga, para sahabat dan saudara Muhamad Nor Firdaus bin Wahidon yang sentiasa memberikan sokongan, motivasi dan kekuatan kepada saya sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Terima kasih juga kepada semua pihak yang memberikan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Segala jasa baik yang diberikan amat saya hargai.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohd. Sharifudin bin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nur Farakhanna binti Mohd Rusli (GS337337)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab seliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Adi Yasran bin Abdul Aziz

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Raja Masittah binti Raja Ariffin

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Mohd. Sharifudin bin Yusop

SENARAI KANDUNGAN

		Halaman
	ABSTRAK	i
	ABSTRACT	iii
	PENGHARGAAN	v
	PENGESAHAN	vi
	PERAKUAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SIMBOL	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	BAB	
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Latar belakang bahasa Kerinci	1
	1.2 Hubungan antara bahasa Kerinci dengan bahasa Minangkabau	4
	1.3 Masyarakat dan bahasa Kerinci di Malaysia	5
	1.4 Masyarakat Kerinci di Hulu Langat	7
	1.5 Bahasa Kerinci dialek Semerap	10
	1.6 Penyataan masalah	13
	1.7 Objektif kajian	17
	1.8 Persoalan kajian	17
	1.9 Batasan kajian	18
	1.10 Kepentingan kajian	19
	1.11 Definisi operasional	20
2	SOROTAN KAJIAN	
	2.1 Struktur suku kata dasar dan syarat koda	22
	2.2 Inventori segmen bunyi	23
	2.3 Debukalisasi dan asimilasi fitur di rima akhir kata	34
	2.4 Penyukuan vokal tinggi	39
	2.5 Perkaitan kajian lepas dengan kajian ini	41
3	METODOLOGI	
	3.1 Konsep dan kerangka teori	43
	3.1.1 Struktur suku kata	43
	3.1.2 Geometri fitur	45
	3.2 Kaedah kajian	47
	3.2.1 Kaedah kepustakaan	47
	3.2.2 Kaedah pemerhatian	48
	3.2.3 Kaedah temu bual	48
	3.3 Lokasi kajian	49
	3.4 Pensampelan	49

3.5	Alat kajian	52
3.6	Tatacara pengumpulan dan pemprosesan data	53
3.7	Penganalisan data	54
3.8	Pertimbangan etika	55
3.9	Kerangka konseptual kajian	56
4	ANALISIS DAN DAPATAN	
4.1	Struktur suku kata dasar	58
4.1.1	Pola suku kata V	58
4.1.2	Pola suku kata VK	59
4.1.3	Pola suku kata KV	60
4.1.4	Pola suku kata KVK	60
4.1.5	Penyukuan kata	61
4.1.6	Syarat koda	63
4.2	Inventori segmen	65
4.2.1	Titik artikulasi segmen	65
4.2.2	Inventori segmen vokal	67
4.2.3	Inventori segmen konsonan	78
4.3	Debukalisasi	93
4.3.1	Debukalisasi frikatif /s/ kepada [h]	93
4.3.2	Debukalisasi hentian tak bersuara /p, t, k/ kepada [ʔ]	96
4.4	Asimilasi fitur	98
4.4.1	Perubahan /as/ kepada [ɛh]	99
4.4.2	Perubahan /up/ kepada [əʔ]	104
4.4.3	Perubahan /ut/ kepada [aʔ]	109
4.4.4	Perubahan /uk/ kepada [oʔ]	113
4.4.5	Perubahan /aj/ kepada [ej]	117
4.5	Penyukuan vokal tinggi	119
4.5.1	Penyukuan vokal tinggi di koda	122
4.6	Rasional teori	141
4.7	Implikasi dapatan kajian	142
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	143
	BIBLIOGRAFI	147
	LAMPIRAN	155
	BIODATA PELAJAR	191
	SENARAI PENERBITAN	192

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Perbezaan data antara bahasa Kerinci dan bahasa Minangkabau	5
1.2	Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, mukim dan negeri di Selangor, 2010	8
1.3	Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, kawasan pihak berkuasa tempatan dan negeri di Hulu Langat Selangor, 2010	9
1.4	Variasi sebutan dialek dalam bahasa Kerinci	11
2.1	Penggunaan vokal oleh Kozok (2012)	25
2.2	Perubahan vokal di suku kata akhir oleh Mohd Isa Farhy (1971)	28
2.3	Perubahan vokal di suku kata akhir oleh Reijn (2001)	28
2.4	Perbezaan monoftong dan diftong bahasa Kerinci	29
2.5	Variasi perubahan <i>as, is, us, up, ut</i> dan <i>uk</i> di rima akhir kata bahasa Kerinci	35
3.1	Maklumat informan kajian	51
4.1	Data bagi pola suku kata V	59
4.2	Data bagi pola suku kata VK	59
4.3	Data bagi pola suku kata awal dan suku kata akhir terbuka KV	60
4.4	Data bagi pola suku kata KVK	60
4.5	Data penyebaran vokal di suku kata awal V dan KV	71
4.6	Data penyebaran vokal di suku kata akhir tertutup KVK	71
4.7	Data penyebaran fonem konsonan bahasa Kerinci	88
4.8	Data asimilasi nasal bahasa Kerinci	90
4.9	Data proses debukalisasi frikatif /s/ kepada [h]	94
4.10	Data proses debukalisasi hentian tak bersuara /p, t, k/ kepada [ʔ]	97
4.11	Data perubahan vokal /a/ apabila diikuti oleh konsonan /s/	99
4.12	Data perubahan vokal /u/ apabila diikuti oleh konsonan /p/	104
4.13	Data perubahan vokal /u/ apabila diikuti oleh konsonan /t/	109
4.14	Data perubahan vokal /u/ apabila diikuti oleh konsonan /k/	113
4.15	Contoh diftong [ej]	118
4.16	Data rangkap vokal bahasa Kerinci	121
4.17	Contoh diftong [aj]	122

4.18	Contoh diftong [aw]	128
4.19	Data perubahan vokal /i/ apabila diikuti oleh konsonan /s/	131
4.20	Data perubahan vokal /u/ apabila diikuti oleh konsonan /s/	136



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Salasilah bahasa Austronesia	2
1.2	Sempadan antara Kabupaten Kerinci, Minangkabau dan Melayu Jambi	4
3.1	Tingkat suku kata	43
3.2	Contoh garis penghubung yang bersilang	44
3.3	Contoh perwakilan atau notasi autosegmental	44
3.4	Model geometri fitur Halle (1992)	45
3.5	Tiga proses fonologi dalam analisis non- linear	46
3.6	Ringkasan pensampelan kajian	50
3.7	Kerangka konseptual kajian	56
4.1	Hierarki struktur suku kata	61
4.2	Daerah artikulasi dan bahagian lidah	66
4.3	Inventori fonem vokal bahasa Kerinci	67
4.4	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif vokal /i/	67
4.5	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif vokal /u/	68
4.6	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif vokal /e/	68
4.7	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif vokal /o/	69
4.8	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif vokal /ə/	69
4.9	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif vokal /a/	70
4.10	Carta inventori untuk tiga, lima dan tujuh vokal	73
4.11	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif vokal [ɛ]	73
4.12	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif vokal [ɔ]	74
4.13	Inventori segmen vokal bahasa Kerinci	74
4.14	Inventori fonem konsonan bahasa Kerinci	78
4.15	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /p/	79
4.16	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /b/	79
4.17	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /t/	79
4.18	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /d/	80
4.19	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /k/	80

4.20	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /g/	80
4.21	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /tʃ/	81
4.22	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /dʒ/	82
4.23	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /s/	83
4.24	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /h/	83
4.25	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /m/	84
4.26	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /n/	84
4.27	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /ŋ/	85
4.28	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /ŋ/	85
4.29	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /l/	86
4.30	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan /r/	86
4.31	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan [j]	87
4.32	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan [w]	87
4.33	Keadaan bibir, lidah dan fitur distingtif konsonan [ʔ]	92
4.34	Skala kenyaringan	125
4.35	Tahap kenyaringan bunyi vokal	126

SENARAI SIMBOL

/	transkripsi fonemik bermula/berakhir
[	transkripsi fonetik bermula
]	transkripsi fonetik berakhir
< >	tanda kurung sudut untuk mengapit lambang grafemik
→	direalisasikan sebagai
—	garis penghubung
----	penyebaran fitur
≠	proses nyah hubung
*	bukan/tiada/bentuk yang tidak gramatis
∅	pengguguran/tiada segmen bunyi
~	nasal/sengau
α	padanan bagi fitur yang sama
±	fitur binari (mempunyai dua nilai sama ada positif atau negatif)
+	fitur unari yang mempunyai fitur yang mengikutinya
—	fitur unari yang tidak mempunyai fitur yang mengikutinya
+	sempadan awalan
—	sempadan akhiran
σ/\$	suku kata
~	bervariasi bebas

SENARAI SINGKATAN

A	segmen bunyi yang akan mengalami perubahan
B	hasil perubahan segmen bunyi
C	lingkungan segmen berubah
F	fitur yang dikaitkan dengan segmen
K	konsonan
V	vokal
N	nukleus
O	onset
R	rima
Kd	koda
FG	fonologi generatif
ATR	<i>advance tongue root</i>
RTR	<i>retract tongue root</i>
BMS	bahasa Melayu Standard
BK	bahasa Kerinci
WFC	<i>Well-Formedness Condition</i>
NAPA	<i>North American Phonetic Alphabet</i>
IPA	<i>International Phonetic Alphabets</i>
OCP	<i>Obligatory Contour Principle</i>
SPE	<i>The Sound Pattern of English</i> (Chomsky & Halle, 1968)
BIL.	Bilangan
JUM.	Jumlah
Bumi.	Bumiputera
M.P	Majlis Perbandaran

BAB 1

PENDAHULUAN

Bahagian ini akan dimulakan dengan pengenalan tentang bahasa Kerinci, iaitu dari segi latar belakang, asal usul bahasa dan masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut. Seterusnya, analisis akan membincangkan tentang permasalahan dan objektif kajian yang mewajarkan kajian ini dilakukan. Akhir sekali, perbincangan akan menjurus kepada batasan, kepentingan dan definisi operasional yang berkaitan dengan kajian.


1.1 Latar belakang bahasa Kerinci

Menurut Rozaimah dan Nor Diyana (2011), bahasa Kerinci merupakan salah satu kumpulan keluarga bahasa Nusantara yang berasal dari Kabupaten Kerinci, Provinsi Jambi, Sumatera Barat Indonesia. Dari segi asal usul, perkataan '*Kerinci*' berasal daripada bahasa Tamil *Kurinji*, iaitu nama bunga *Strobilanthus* yang tumbuh di kawasan pergunungan di India Selatan. Istilah '*Kerinci*' juga merujuk kepada Gunung Kerinci yang merupakan gunung tertinggi di Kepulauan Sumatera dengan ketinggian mencecah 3.805 meter (Badan Pusat Statistik Kabupaten Kerinci, 2015). Daerah di sekitarnya pula disebut dengan beberapa nama seperti *Kerinci*, *Kurinchai*, *Kunca* dan *Kincai* (Rozaimah dan Nor Diyana, 2011).

Bahasa Kerinci dan bahasa Melayu tergolong dalam kelompok keluarga bahasa yang sama, iaitu keluarga bahasa Nusantara atau Indonesia yang berkembang daripada rumpun bahasa Austronesia. Berdasarkan rajah salasilah bahasa yang dikemukakan dalam kajian Asmah (2008), rumpun bahasa Austronesia berasal daripada filum Austrik (*Austriac phylum*) yang merupakan bahasa induk paling tua, yang akan menghasilkan peringkat bahasa yang seterusnya seperti rumpun, keluarga dan sub keluarga.

Asmah (2008) berpendapat pengelompokan bahasa di peringkat tertentu dilakukan berdasarkan ciri persamaan dan perbezaan yang dimiliki oleh suatu bahasa dengan bahasa yang lain. Sekumpulan bahasa yang mempunyai ciri persamaan akan menganggotai satu kelompok tertentu, manakala bahasa dengan ciri yang berlainan akan menganggotai kelompok bahasa yang lain pula. Namun, Asmah (2008) menjelaskan bahawa kedua-dua kelompok bahasa tersebut masih mempunyai perkaitan kekeluargaan sama ada perkaitan yang dekat atau yang jauh.

Hal yang sama turut dibincangkan dalam kajian Nik Safiah et al. (2010) yang menjelaskan bahawa pengelompokan tersebut menjadi asas penting untuk menunjukkan hubungan kekeluargaan antara suatu bahasa dengan bahasa yang lain. Menurutnya, setiap bahasa akan dikelompokkan di peringkat tertentu dalam rajah salasilah bahasa seperti yang ditunjukkan dalam rajah yang berikut:



Rajah 1.1: Salasilah bahasa Austronesia

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Nik Safiah et al., 2010:4-5)

Berdasarkan rajah di atas, rumpun bahasa Austronesia terbahagi kepada dua, iaitu Austronesia Barat dan Austronesia Timur. Keluarga bahasa Nusantara atau Indonesia tergolong dalam rumpun Austronesia Barat manakala keluarga bahasa Mikronesia, Melanesia dan Polinesia tergolong dalam rumpun Austronesia Timur. Rajah juga menunjukkan di dalam cabang keluarga bahasa Nusantara atau Indonesia, terdapat dua sub keluarga bahasa yang lain, iaitu sub keluarga Indonesia Pusat dan sub keluarga Filipina-Formosa.

Bahasa dalam sub keluarga Indonesia Pusat terdiri daripada bahasa Melayu, bahasa di Sarawak, Kalimantan dan bahasa di pulau-pulau di Indonesia. Bahasa dalam kelompok sub keluarga bahasa Filipina-Formosa pula terdiri daripada bahasa yang dituturkan di Formosa, Filipina, Sabah dan Brunei (kecuali bahasa Melayu dan Lun Dayeh). Berdasarkan pengelompokan

tersebut, bahasa Melayu dan bahasa Kerinci tergolong dalam sub keluarga bahasa yang sama, iaitu sub keluarga bahasa Sumatera.

Malah, perkaitan kekeluargaan antara bahasa Melayu dengan bahasa Kerinci turut dibincangkan oleh Prentice dan Usman (1978) yang berpendapat bahawa perbandingan leksikostatistik (kajian secara saintifik tentang kosa kata sesuatu bahasa, dengan penekanan khusus terhadap hubungan sejarahnya dengan bahasa-bahasa lain) perkataan dalam kedua-dua bahasa menunjukkan kedua-duanya saling berkait antara satu sama lain hingga mendakwa bahasa Kerinci merupakan dialek kepada bahasa Melayu. Dalam hal ini, perlu dijelaskan bahawa walaupun kedua-dua bahasa tergolong dalam kelompok sub keluarga bahasa Sumatera, namun analisis mendapati bahawa bahasa Kerinci dan bahasa Melayu merupakan dua sistem bahasa yang berbeza dan bukannya dialek kepada satu bahasa yang sama. Oleh itu, sistem fonologi kedua-dua bahasa juga berlainan antara satu sama lain.

Seterusnya, kajian ini memilih istilah 'bahasa Kerinci' berbanding 'dialek atau loghat Kerinci'. Penentuan tersebut dilakukan berdasarkan konsep kefahaman menyaling (*mutual intelligibility*) yang merupakan asas penting untuk menentukan sama ada sesuatu ragam merupakan dialek atau bahasa (Zaharani, 2006). Menurut Noriah (2004), dua sistem pertuturan dikatakan dua bahasa yang berlainan jika penutur daripada kedua-dua sistem tidak memahami pertuturan orang yang dilawan bertutur, kecuali dengan mempelajari sistem pertuturan individu tersebut. Namun, jika kedua-duanya memahami komunikasi yang disampaikan, maka sistem pertuturan tersebut dianggap sebagai dialek.


Hasil pemerhatian dan temu bual mendapati bahawa masyarakat Melayu yang bukan berketurunan Kerinci tidak memahami komunikasi penutur natif Kerinci, terutama apabila mendengar pertuturan informan buat kali pertama sama ada melalui pertuturan yang telah dirakam atau berdasarkan pembacaan terhadap ujaran informan yang telah ditranskripsikan. Walau bagaimanapun, apabila dijelaskan oleh informan atau mendengar ujaran dalam bahasa Kerinci secara berulang kali, didapati bahawa masyarakat Melayu boleh memahami bahasa tersebut, namun kadar kefahaman menyaling adalah rendah, iaitu sukar memahami pertuturan tersebut secara timbal balik.

Keadaan yang sama turut berlaku terhadap bahasa sukuan lain seperti bahasa Minangkabau dan bahasa Banjar. Majoriti penduduk Melayu yang bukan penutur asli bahasa Minangkabau dan bahasa Banjar tidak memahami apa yang dituturkan oleh masyarakat tersebut. Hal ini disebabkan variasi leksikal yang berlainan antara bahasa tersebut yang menyebabkan kadar kefahaman menyaling sangat rendah, khususnya dalam kalangan penutur yang bukan berketurunan Minangkabau dan Banjar (Asmah, 2008). Oleh sebab itu, 'bahasa Kerinci' lebih sesuai digunakan dalam kajian ini berbanding 'dialek atau loghat Kerinci'.

1.2 Hubungan antara bahasa Kerinci dengan bahasa Minangkabau

Berdasarkan rajah 1.1, bahasa Kerinci berkongsi hubungan sub keluarga bahasa dengan bahasa Minangkabau. Rifai (1954) misalnya telah mendakwa bahasa Kerinci ialah dialek kepada bahasa Minangkabau kerana cara sebutan kata antara kedua-dua bahasa mirip antara satu sama lain. Malah, hasil pemerhatian mendapati bahawa terdapat segelintir masyarakat tempatan yang baru didedahkan dengan bahasa Kerinci menganggap ujaran dalam bahasa tersebut sama seperti ujaran dalam bahasa Minangkabau (Pandangan ini berdasarkan pemerhatian pengkaji yang juga berketurunan Kerinci).

Bagi menjelaskan keadaan ini, Prentice & Usman (1978) dan Adelaar (1992) membincangkan bukan sahaja bahasa Minangkabau, malah bahasa Melayu-Jambi dan bahasa Melayu Tengah turut mempunyai kaitan dengan bahasa Kerinci. Voorhoeve (1970) berpendapat Kabupaten Kerinci dan Minangkabau mempunyai perkaitan yang erat dalam bidang politik dan budaya. Hal ini diakui oleh McKinnon (2011) dan Ernanda (2011 & 2015) yang menjelaskan bahawa kaitan tersebut wujud disebabkan kedudukan Kabupaten Kerinci, Minangkabau dan Jambi yang bersempadan antara satu sama lain seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut:



Rajah 1.2: Sempadan antara Kabupaten Kerinci, Minangkabau dan Melayu Jambi

(Diubah suai daripada McKinnon, 2011)

Berdasarkan rajah di atas, kaitan antara bahasa Kerinci dan bahasa Minangkabau berlaku disebabkan kedudukan Kabupaten Kerinci yang menjadi daerah pertemuan antara masyarakat Minangkabau, Melayu-Jambi dan Melayu-Bengkulu (Amir Hakim Usman, 1983). Faktor tersebut telah menyebabkan berlakunya proses migrasi oleh masyarakat Minangkabau ke Kerinci. Ketika zaman penjajahan Belanda, bahasa Minangkabau digunakan

secara meluas dalam semua bidang di Kabupaten Kerinci termasuk bidang pendidikan, perubatan, pentadbiran dan perniagaan (Ernanda, 2011). Keadaan tersebut berlaku dalam tempoh masa yang lama hingga ada dalam kalangan masyarakat Kerinci yang fasih bertutur menggunakan bahasa Minangkabau. Hal ini secara tidak langsung menjelaskan rasional sebutan kata dalam kedua-dua bahasa mirip antara satu sama lain.

Walau bagaimanapun, bahasa Kerinci dan bahasa Minangkabau merupakan dua bahasa yang berbeza dan hal ini telah dibuktikan melalui kajian Prentice & Usman (1978) dan kajian Voorhoeve (1970). Selain itu, dapatan kajian Rozaimah & Nor Diyana (2011), Amir Hakim Usman (1988), Asmah et al. (2013) dan Nandra (1999) tentang bahasa Kerinci dan Minangkabau masing-masing menunjukkan cara sebutan kata yang berlainan antara kedua-dua bahasa seperti yang dikemukakan dalam contoh berikut:

Bentuk ejaan	Bahasa Kerinci		Bahasa Minangkabau	
	Rozaimah & Nor Diyana (2011)	Amir Hakim Usman (1988)	Asmah et al. (2013)	Nandra (1999)
'dag u'	[da.gu]	[da.geuʔ]	[da.gu.waʔ]	[da.gua]
'pipi'	[pi.pi]	[pi.paj]	[pi.piʔ]	[pi.pi.jaʔ]
'rambut'	[am.buʔ]	[am.bauʔ]	[yam.buiʔ]	[ram.bujʔ]
'satu'	[sa.tu]	[sa.tau]	[ʔfi.ɛʔ]	[sa.tua]

Jadual 1.1: Perbezaan data antara bahasa Kerinci dan bahasa Minangkabau

Berdasarkan jadual di atas, jelaslah bahawa hasil kajian sebelum ini menghasilkan transkripsi fonetik yang berbeza-beza untuk mentranskripsikan cara sebutan kata yang terdapat dalam bahasa Kerinci dan bahasa Minangkabau. Dengan kata lain, setiap bahasa sama ada bahasa Kerinci, bahasa Minangkabau termasuklah bahasa Melayu mempunyai sistem kebahasaan yang tersendiri yang membezakannya dengan bahasa lain walaupun masing-masing tergolong dalam sub keluarga bahasa yang sama. Oleh itu, sistem fonologi bahasa tersebut juga berbeza-beza dan hal ini telah mewajarkan kajian ini dilakukan yang khusus untuk menjelaskan aspek fonologi bahasa Kerinci, sekali gus membezakannya dengan bahasa-bahasa lain, terutama dengan bahasa Melayu.

1.3 Masyarakat dan bahasa Kerinci di Malaysia

Menurut Asmah (2008), bahasa boleh tersebar apabila penuturnya melakukan migrasi. Asmah (2005) turut menjelaskan bahawa kewujudan masyarakat Kerinci, Jawa, Bugis, Minangkabau, Mandailing dan sebagainya di Malaysia

berlaku disebabkan kecenderungan merantau dan membuka negeri baharu oleh penduduk dari Kepulauan Indonesia ke kawasan tertentu, terutama dalam lingkungan alam Melayu. Bagi Nelmawarni dan Nordin (2011), tradisi penghijrahan suku bangsa Melayu dari kepulauan Melayu ke Tanah Melayu paling pesat berlaku pada abad ke-19 dan ke-20.

Walaupun tiada catatan yang tepat tentang tarikh penghijrahan masyarakat tersebut ke Tanah Melayu, namun proses migrasi yang berlaku membolehkan mereka membina petempatan mengikut suku kaum masing-masing di beberapa buah negeri di sekitar Semenanjung. Bagi masyarakat Kerinci, komuniti tersebut kebanyakannya mendiami negeri di sebelah pantai barat Semenanjung seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Kuala Lumpur kerana kedudukannya lebih hampir dengan Kepulauan Indonesia (Rozaimah dan Nor Diyana, 2011).

Menurut Azizah (2005), penghijrahan masyarakat Kerinci ke Tanah Melayu didorong oleh faktor penarik di tempat baharu, khususnya aspek ekonomi dan faktor penolak di tempat sendiri, iaitu kesan daripada penjajahan Belanda. Bagi Asmah (2015), perpindahan masyarakat Nusantara tidak boleh dianggap sebagai diaspora seperti peristiwa pelarian orang Israel dari tanah asal ke seluruh pelosok dunia. Beliau berpendapat perpindahan masyarakat Nusantara dirujuk sebagai perubahan tempat dalam geolinguistik dan geobudaya sendiri, seolah-olah berpindah daripada suatu mukim ke mukim lain, dan bukan merujuk kepada pelarian daripada suatu malapetaka.

Di Malaysia, bahasa Kerinci merupakan antara bahasa sukuan yang bersifat minoriti (*minor language*). Hal ini ditentukan berdasarkan saiz populasi masyarakatnya yang kecil selain penggunaan bahasa yang terhad dalam kalangan penutur berketurunan Kerinci sahaja. Dari segi asal usul, masyarakat Kerinci yang paling awal berhijrah dari Indonesia ke Tanah Melayu telah meneroka tanah di Bukit Nanas sebelum menetap di Kampung Kerinci, Seputeh, Subang dan Kampung Haji Abdullah Hukum di Kuala Lumpur (Abdul Hakam, 2008). Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Adnan (1997) bahawa lokasi tersebut dibuka sendiri oleh masyarakat Kerinci dari Sumatera.

Dari segi bahasa, hasil pemerhatian dan temu bual mendapati bahawa sistem fonologi bahasa Kerinci di Malaysia bukan sahaja berbeza dengan bahasa Melayu, malah berbeza dengan fonologi bahasa Kerinci induk di Indonesia. Perbezaan tersebut berlaku kerana bahasa Kerinci di Malaysia telah berasimilasi dengan bahasa dan budaya masyarakat tempatan, terutama bahasa dan budaya masyarakat Melayu. Fenomena tersebut telah menyebabkan struktur bahasa Kerinci mengalami perubahan, sekali gus mendorong kepada pembentukan sistem fonologi tersendiri yang berbeza dengan fonologi bahasa Kerinci induk yang dituturkan di Indonesia.

Bagi Raja Masittah (2007), perubahan tersebut didorong oleh penciptaan dan penyesuaian leksikal, kosa kata atau perbendaharaan kata. Hal ini bertujuan menamakan konsep baharu yang disesuaikan dengan organisasi sistem sosial, pandangan dunia, kegiatan sosioekonomi, pendidikan, agama dan sistem semiologi di Malaysia. Noor Aina Dani (2004) berpendapat bahawa masyarakat pendatang yang sampai ke kawasan baharu akan mempelajari bahasa masyarakat setempat walaupun cara penggunaannya tidak sempurna hingga menyebabkan berlaku pengubahsuaian daripada bentuk bahasa asal. Tambahan pula, kebarangkalian bertutur menggunakan dua bahasa pada masa yang sama (bahasa Melayu dan bahasa Kerinci) turut menyebabkan bahasa yang digunakan bercampur aduk sehingga mempengaruhi tabiat pertuturan bahasa Kerinci yang asal.

Bagi Mohd Tarmizi et al. (2013), proses perubahan yang berlaku adalah disebabkan sesuatu bahasa atau dialek berinovasi dan terpisah daripada bahasa atau dialek lain yang diturunkan daripada bahasa induk atau bahasa sumber yang sama. Dengan kata lain, walaupun bahasa Kerinci yang dituturkan di Malaysia dan di Indonesia mempunyai perkaitan yang erat antara satu sama lain namun, perkaitan antara kedua-duanya semakin menjauh akibat proses asimilasi yang berlaku, khususnya terhadap bahasa Kerinci yang dituturkan di Malaysia.

Dalam dialektologi generatif, Zaharani (1993) menjelaskan kewujudan pelbagai dialek dan bahasa didorong oleh empat faktor, iaitu penambahan rumus, penghilangan rumus, perbezaan atur rumus dan simplifikasi rumus. Suatu dialek berlainan dengan dialek lain apabila berlaku pertambahan rumus dalam nahu bahasa tersebut. Suatu dialek juga berlainan dengan dialek lain jika rumus yang pada awalnya wujud dalam bahasa asal tidak dikekalkan dalam dialek turunannya.

Perbezaan atur rumus juga turut menghasilkan kelainan dialek. Menurut Zaharani (1993), rumus fonologi dilaksanakan secara berurutan, iaitu satu rumus harus mendahului rumus yang lain. Atur rumus sangat penting kerana aturan yang berbeza akan menghasilkan bentuk permukaan yang berbeza juga (Aturan dalam konteks ini bermaksud aturan secara sinkronik atau deskriptif, dan bukan aturan secara diakronik atau perbandingan sejarah). Simplifikasi rumus pula adalah proses pemudah yang berlaku kepada suatu rumus yang asalnya terbatas kepada bunyi atau lingkungan tertentu namun kini, rumus tersebut telah digeneralisasikan kepada bunyi atau lingkungan yang lebih luas. Jelasnya, semua aspek menunjukkan perkembangan bahasa Kerinci yang mula menyimpang daripada bentuk bahasa asalnya.

1.4 Masyarakat Kerinci di Hulu Langat

Sewaktu campur tangan British, daerah Hulu Langat, Selangor didiami oleh masyarakat Sumatera yang majoritinya terdiri daripada suku bangsa

berketurunan Minangkabau, Kerinci dan Jawa (Radcliffe, 1969). Kini, daerah tersebut turut dijadikan petempatan bukan sahaja oleh masyarakat Melayu, sebaliknya masyarakat Cina, India dan Orang Asli. Jumlah populasi penduduk yang menetap di daerah Hulu Langat, Selangor adalah seperti berikut:

Daerah Pentadbiran /Mukim	Jum.	Warganegara Malaysia							Bukan Warga- negara
		Jum.	Bumi.				Cina	India	Lain -lain
			Jum.	Melayu	Bumi.	Lain			
HULU LANGAT	1,138,198	1,050,753	576,591	565,618	10,973	351,048	111,786	11,328	87,445
Ampang	342,676	312,686	156,887	153,949	2,938	122,136	27,768	5,895	29,990
Beranang	49,772	46,329	31,639	31,436	203	8,733	5,677	280	3,443
Cheras	244,563	232,306	96,395	93,609	2,786	111,344	23,344	1,223	12,257
Kajang	342,657	311,785	209,84	206,805	3,019	65,992	33,536	2,433	30,872
Semenyih	99,669	92,491	42,814	42,070	744	31,160	17,788	729	7,178
Hulu Langat	55,251	51,789	36,180	35,147	1,033	11,439	3,417	753	3,462
Ulu Semenyih	3,610	3,367	2,852	2,602	250	244	256	15	243

Jadual 1.2: Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, mukim dan negeri di Selangor

(Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010:390)

Penduduk di daerah Hulu Langat terdiri daripada masyarakat Melayu, iaitu seramai 35 147 orang daripada jumlah keseluruhan penduduk seramai 55 251 orang. Sebahagian daripada mereka merupakan individu berketurunan Kerinci. Di daerah Hulu Langat, masyarakat Kerinci menetap di beberapa lokasi antaranya di Pekan Hulu Langat, Kampung Sungai Lui, Kampung Sungai Gahal, Kampung Sungai Semungkis dan Pansoon (Di dalam daerah Hulu Langat, terdapat juga pekan yang dinamakan sebagai Pekan Hulu Langat).

Menurut Redzuan (1980), pemilihan lokasi yang berlainan ini berlaku disebabkan tradisi masyarakat Kerinci yang cenderung membuka petempatan secara berasingan mengikut suku kaum masing-masing. Suku kaum dalam konteks ini merujuk kepada kelompok penutur yang menggunakan jenis dialek bahasa Kerinci yang sama (Ernanda, 2011). Malah, Reijn (1974) dan Ernanda (2011) berpendapat komuniti Kerinci di setiap kampung mempunyai satu dialek tersendiri walaupun lokasi kampung hanya bersebelahan antara satu sama lain seperti yang dijelaskan dalam petikan berikut:

“Nearly every village in this region has its own variations of Kerinci, even though only a rice field might separate the

communities... Different villages in separate neighborhoods of Kerinci have their own clearly distinctive dialects. For example, the Sungai Penuh dialect is different from its neighbor village's dialect, Pondok Tinggi, although there is no clear border between these two villages. Dusun Baru, the other neighboring village has a different dialects from Sungai Penuh, although only a small bridge separates them” .

(Sumber: Ernanda, 2011: 169)

Kajian ini memilih Kampung Sungai Lui yang terletak di daerah Hulu Langat, Selangor sebagai lokasi kajian. Keterangan lanjut tentang jumlah populasi penduduk yang menetap di lokasi tersebut ditunjukkan dalam jadual berikut:

Daerah Pentadbiran /Mukim	Jum.		Warganegara Malaysia							Bukan Warga- negara
	Jum.		Bumi.		Cina		India	Lain -lain		
	Jum.		Melayu		Bumi.	Lain				
HULULANGAT										
M.P. Kajang	795,522	738,067	419,704	411,669	8,035	228,912	84,018	5,433	57,455	
Sg. Lui	964	827	633	632	1	64	33	97	137	

Jadual 1.3: Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, kawasan pihak berkuasa tempatan dan negeri di Hulu Langat Selangor, 2010

(Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010:184)

Penduduk di Kampung Sungai Lui didominasi oleh masyarakat Melayu dengan jumlah seramai 632 orang. Hampir keseluruhan daripadanya merupakan individu berketurunan Kerinci daripada generasi pertama, kedua, ketiga dan berikutnya. Kampung Sungai Lui dibuka oleh masyarakat Kerinci yang pada asalnya menetap di Bukit Nanas, Kuala Lumpur (Abdul Hakam, 2008). Pada tahun 1920, komuniti tersebut ditawarkan oleh Datuk Dagang atau Penghulu Datuk Osman (penghulu Kuala Lumpur ketika itu) membersihkan hutan dan bekerja di kawasan perlombongan di Kampung Sungai Lui, dan seterusnya menetap di lokasi tersebut (*Laporan Kisah Sungai Lui*, 1980). Berikut adalah pendapat Radcliffe (1969) tentang masyarakat Kerinci di Kampung Sungai Lui:

“The people here are Sumatrans, like the others of the mukim, but have maintained a local pride and sense of separation from the rest of the mukim. They are Korinchi, a trading people, who in Sumatra and Malaya have been treated with suspicion because of their reputation for supernatural powers...”

(Sumber: Radcliffe, 1969:166)

"Korinchi traders knew of the area early, and it was Korinchi who finally established the settlement of Kampong Sungei Lui, together with its satellites, Kampong Mesjid and Kampong Pauh. Kampong Sungei Lui was started around 1916 by Korinchi who developed the area for growing vegetables which they traded to the other kampongs in the mukim".

(Sumber: Radcliffe, 1969:180)

Radcliffe (1969) dalam kajiannya juga berpendapat bahawa lokasi Kampung Sungai Lui terletak di kawasan pedalaman seperti yang dijelaskan dalam petikan berikut:

"Ulu Langat itself just beyond the thirteenth mile (mileages are given according to official survey maps, measured from Kuala Lumpur. Ulu Langat is 4½ miles from the main road turn-off) ... and Sungei Lui 21 miles up on the Sungei Lui branch. Kampong Sungei Lui, on the Sungei Lui branch, is in the mukim, but not of it. To reach it, one travels through two miles of uninhabited land, before coming out into the Sungai Lui".

(Sumber: Radcliffe, 1969: 162-166)

Keadaan ini menunjukkan proses asimilasi yang berlaku terhadap bahasa Kerinci di Sungai Lui adalah rendah. Oleh sebab kajian berfokus kepada ujaran Kerinci yang bersifat konvensional (kebiasaan/umum), maka data di lokasi tersebut sesuai dianalisis. Sungai Lui terbahagi kepada tiga buah kampung, iaitu Kampung Batu 20, Kampung Batu 21 dan Kampung Batu 23. Masyarakat Kerinci hanya mendiami dua buah kampung sahaja, iaitu Kampung Batu 20 dan Kampung Batu 21 manakala di Kampung Batu 23, penduduknya berketurunan Minangkabau yang menuturkan dialek Rembau. Masyarakat Kerinci di Kampung Batu 20 menggunakan bahasa Kerinci dialek Tanjung Pauh manakala masyarakat Kerinci di Kampung Batu 21 pula menggunakan bahasa Kerinci dialek Semerap, iaitu dialek yang dipilih dalam kajian ini.

1.5 Bahasa Kerinci dialek Semerap

Menurut Jakub Isman (1958), bahasa Kerinci mempunyai lebih daripada 80 jenis dialek yang berbeza-beza antaranya dialek Semerap, Seleman, Jujun, Pondok Tinggi, Tanjung Pauh, Rawang, Lempur Danau, Sungai Penuh dan sebagainya. Bagi Amir Hakim Usman (1988), terdapat juga penggunaan bahasa Kerinci yang dituturkan luar dari Kabupaten Kerinci antaranya di Tanjung Morawa (Sumatera Utara), Sungai Lui, Sungai Gahal, Sungai Semungkis, dan Pansoon (Malaysia). Dalam kajian ini, dialek bahasa Kerinci yang dikaji ialah dialek Semerap yang dituturkan oleh masyarakat Kerinci di Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor.

“Semerap” ialah nama salah satu kelurahan di Kecamatan Keliling Danau, Kabupaten Kerinci, Provinsi Jambi, Sumatera Barat Indonesia dengan majoriti penduduk di kelurahan tersebut menggunakan bahasa Kerinci dialek Semerap. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010), istilah kelurahan (ditadbir oleh Pak Lurah) merujuk kepada kampung, istilah kecamatan (ditadbir oleh Pak Camat) merujuk kepada bandar, istilah kabupaten (ditadbir oleh Bupati) merujuk kepada daerah atau mukim manakala istilah provinsi (ditadbir oleh Gabenor) merujuk kepada wilayah.

Perbezaan fonologi setiap dialek dalam bahasa Kerinci telah dijelaskan oleh Ernanda (2015) yang membincangkan bahawa setiap masyarakat menggunakan dialek yang berbeza-beza mengikut lokasi kelurahan atau kampung masing-masing. Sebagai contoh, berikut ialah data perbezaan fonologi sebahagian daripada dialek tersebut:

Bentuk ejaan	BK Sungai Penuh	BK Pondok Tinggi	BK Dusun Baru	BK Tanjung Pauh Mudik	BK Koto Tuo	BK Koto Pudung
‘gadis’	[g a.doyh]	[g a.doyh]	[g a.doyh]	[g a.dleh]	[g a.doyh]	[g a.doht]
‘garam’	[g a.heng]	[g a.hua]	[g a.hin]	[g a.hi]	[g a.huyə]	[g a.huy]
‘mulut’	[mu.lawʔ]	[mu.lawʔ]	[mu.laʔ]	[mu.lak]	[mu.lamp]	[mu.lanj]

Jadual 1.4: Variasi sebutan dialek dalam bahasa Kerinci

(Sumber: Ernanda, 2015:359)

Setiap dialek Kerinci mempunyai cara sebutan yang berbeza-beza. Kelainan sebutan ini turut dibincangkan oleh Mohd Isa Farhy (1971) yang berpendapat bahawa setiap sub suku menuturkan perkataan dengan cara yang berbeza-beza, namun perbezaan tersebut sangat kecil kerana terletak kepada cara perkataan disebutkan dan bukan terhadap penggunaan istilah, nama benda, susunan ayat dan intonasi. Hal ini membolehkan penutur daripada sub suku Kerinci lain memahami pertuturan oleh sub suku Kerinci yang lain. Malah, informan yang ditemu bual turut menjelaskan bahawa mereka memahami pertuturan sub suku Kerinci lain yang ada di Hulu Langat.

Bagi Ernanda (2011) dan McKinnon (2011), sifat kebolehfahaman ini adalah disebabkan kerana setiap penutur menggunakan *koine* (dialek lisan yang menjadi bahasa baku bersama untuk sesuatu kawasan politik) apabila berinteraksi dengan penutur daripada sub suku Kerinci yang lain, “*They do not use their own dialect while speaking. By using the koine, they understand each other. The koine does not belong to a particular dialect in Kerinci*” (Ernanda, 2011:11). Namun, penggunaan dialek bahasa Kerinci tertentu misalnya bahasa Kerinci dialek Semerap akan digunakan sekiranya penutur tersebut kembali bertutur dengan individu daripada sub suku Kerinci yang sama.

Dalam bahasa Melayu, Asmah (2008) telah membahagikan sebutan standard kepada dua kelainan iaitu, kelainan /a/ yang berpusat di Alor Setar dan kelainan /ə/ yang berpusat di Johor-Kuala Lumpur. Berbeza dengan bahasa Kerinci, Amir Hakim Usman (1988) membahagikan bahasa tersebut kepada dua jenis kelainan iaitu, kelainan /ai/ dan kelainan /i/. Bahasa Kerinci kelainan /ai/ banyak menggunakan diftong manakala kelainan /i/ mengehendkan penggunaan diftong. Bahasa Kerinci Semerap tergolong dalam kelompok yang menggunakan kelainan /ai/. Dari segi fonologi, bahasa Kerinci di Malaysia telah membentuk sistem dan struktur yang tersendiri dan berlainan dengan bahasa Kerinci di Indonesia. Bahasa Kerinci Semerap di Kampung Batu 21 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor turut menunjukkan perubahan hingga menghasilkan sistem fonologi yang berlainan dengan bahasa Kerinci Semerap di Indonesia.

Perbezaan tersebut turut diakui oleh Amir Hakim Usman (1988:12) yang berpendapat bahawa bahasa Kerinci di Semenanjung sudah berpisah daripada bentuk asal dan tidak lagi dituturkan sebagaimana yang dituturkan oleh penutur bahasa Kerinci induk di Indonesia, *"... informan yang berasal dari perantau Kerinci yang sudah lama bermukim di Malaysia. Dengan sendirinya bahasa Kerinci yang dipakai oleh para informan itu sudah banyak dipengaruhi oleh bahasa setempat sehingga kurang menggambarkan bahasa Kerinci yang dipakai di daerah Kerinci"*.

Proses migrasi yang mewujudkan sub suku Kerinci di sebahagian negeri di Malaysia telah menyebabkan aspek fonologi bahasa tersebut menjadi lebih kompleks dan bervariasi berbanding dengan bahasa Kerinci asal yang digunakan oleh penutur Kerinci di Kabupaten Kerinci, Sumatera Barat, Indonesia. Bagi Mohd Sharifudin (2011), perbezaan tersebut berlaku kesan daripada faktor globalisasi yang bercirikan langit terbuka yang bukan sahaja menyebabkan mobiliti manusia menjadi kompleks, malah bahasa yang digunakan turut berasimilasi dan berubah, sekali gus membentuk sistem dan struktur kebahasaan yang tersendiri.

Menurut Adi Yasran (1999), bahasa bersifat dinamik dan boleh berubah-ubah akibat pelbagai faktor. Perubahan tersebut turut mempengaruhi sistem fonologi bahasa Kerinci yang digunakan di Malaysia hingga mewujudkan perbezaan dengan bahasa Kerinci induk yang digunakan di Indonesia. Oleh yang demikian, kajian tentang perubahan tersebut sangat penting untuk menjelaskan pola bunyi bahasa Kerinci supaya hasil kajian lalu dapat dikemas kini bersesuaian dengan perkembangan semasa. Pada masa yang sama, analisis yang dilakukan juga diharap dapat mempelbagaikan kajian fonologi tentang variasi bahasa atau dialek yang dituturkan di Malaysia.

1.6 Penyataan masalah

Terdapat empat penyataan masalah yang dikemukakan dalam kajian ini, iaitu yang berkaitan dengan struktur suku kata dasar, inventori segmen bunyi, proses debukalisasi dan asimilasi fitur, serta penyukuan vokal tinggi di koda. Perbincangan tentang setiap isu akan dijelaskan satu per satu mengikut sub topik yang dikemukakan supaya analisis tentangnya lebih mudah difahami.

1.6.1 Struktur suku kata dasar

Hasil kajian daripada pengkaji sebelum ini tidak banyak yang membincangkan tentang struktur suku kata dasar bahasa Kerinci kerana kebanyakan analisis lebih bertumpu kepada perubahan bunyi vokal dan konsonan yang berlaku dalam bahasa tersebut. Sungguhpun demikian, kajian Amir Hakim Usman (1988) serta Nova dan Fadlul (2016) telah dapat memperincikan struktur suku kata dasar bahasa Kerinci sebagai (K1)V(K2). K1 dianggap sebagai konsonan yang berupa *cluster* (gugus konsonan), V ialah segmen vokal, K2 ialah konsonan dan tanda kurung () bermaksud kehadiran K bersifat pilihan.

Menurut Clements & Keyser (1983), bahasa dengan struktur tersebut lazimnya mempunyai empat pola suku kata, iaitu V, VK, KV dan KVK. Namun, data kajian Amir Hakim Usman (1988) serta Nova dan Fadlul (2016) turut mengemukakan tiga pola suku kata yang lain, iaitu KKV, KKVK dan KKKVK. Dalam hal ini, timbul kekeliruan kerana walaupun kajian tersebut dapat mengemukakan data seperti [pre.mãŋ] 'preman', [kon.traŋ] 'kontrak', [stron.ken] 'strongkeng' (lampu minyak tanah) yang mewakili pola suku kata tersebut, namun didapati bahawa contoh tersebut merupakan kata pinjaman.

Hal ini diakui oleh Amir Hakim Usman (1988:130) yang berpendapat bahawa, "*Gugus konsonan dalam bahasa Kerinci ditemukan pada posisi awal dan tengah. Gugus konsonan yang dimaksudkan sangat terbatas jumlahnya, terdapat pada kata-kata pungut, seperti pada: /truq/ 'truk', /prè/ 'libur, kosong', /plan/ 'tonggak', /slan/ 'slang, pipa', /stèn/ 'ketapel', /kòntraq/ 'kontrak', /dòŋkraŋ/ 'dongkrak', /klas/ 'kelas'.* Hal ini jelas menimbulkan kekeliruan dari segi struktur suku kata dasar dan jenis pola suku kata yang terdapat dalam bahasa tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini akan melakukan penilaian semula dengan menjelaskan struktur suku kata dasar dan pola suku kata yang terdapat dalam bahasa Kerinci dengan lebih berpeda.

Selain itu, hasil kajian sebelum ini telah berjaya menemukan beberapa segmen konsonan yang tidak boleh hadir di posisi koda kata. Sebagai contoh, data kajian Amir Hakim Usman (1988), Nova dan Fadlul (2016), Mohd Isa Farhy (1971) dan Ernanda (2011 & 2015) merumuskan bahawa konsonan /r/, /s/, /p, t, k/ dan konsonan nasal tidak dibenarkan hadir di koda kata. Hal ini kerana

konsonan getaran /r/ akan mengalami pengguguran, konsonan frikatif /s/ dan konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ akan diujarkan sebagai segmen glotis [h] dan [ʔ], manakala konsonan nasal di koda suku kata pertama akan direalisasikan sebagai segmen yang berhomorgan dengan bunyi obstruen tak bersuara yang berada di posisi onset suku kata berikutnya.

Keadaan yang tidak membenarkan konsonan tertentu berada di koda kata ini dikenali sebagai syarat koda. Walaupun kajian bahasa Kerinci sebelum ini telah dapat menemukan jenis konsonan yang tidak dibenarkan hadir di koda kata, namun persoalan mengapa dan bagaimana keadaan tersebut berlaku tidak dijelaskan berdasarkan formalisasi rumus, sebaliknya analisis sebelum ini lebih bertumpu kepada aspek distribusi yang menunjukkan keupayaan suatu segmen hadir di lingkungan tertentu dalam kata. Oleh yang demikian, kajian ini akan melakukan penilaian semula terhadap syarat koda bahasa Kerinci dengan menjelaskannya dari segi formalisasi rumus yang terdapat dalam gagasan teori fonologi autosegmental.

1.6.2 Inventori segmen bunyi

Hasil kajian sebelum ini menunjukkan perbezaan pendapat tentang jumlah segmen vokal dan konsonan dalam bahasa Kerinci. Amir Hakim Usman (1988) berpendapat bahasa Kerinci mempunyai lapan vokal antaranya /i, e, ε, ə, a, u, o, ɔ/. Wulandari et al. (2014) berpendapat ada enam vokal, iaitu /i, u, e, o, ə, a/ manakala McKinnon (2011) berpendapat ada sembilan vokal seperti /i, i, u, e, ε, ə, a, u, o, ʌ/. Dari segi konsonan, Amir Hakim Usman (1988) berpendapat ada 20 konsonan antaranya /y, w, l, r, h, q, p, b, m, t, d, tʃ, dʒ, s, z, n, ɲ, k, g, ŋ/. Wulandari et al. (2014) juga berpendapat ada 20 konsonan, iaitu /p, b, m, t, d, s, r, l, n, k, g, j, ŋ, tʃ, dʒ, n, ʔ, ʃ, x, h/ dan McKinnon (2011) berpendapat ada 19 konsonan antaranya /p, t, k, ʔ, b, d, g, s, h, tʃ, dʒ, m, n, ɲ, ŋ, l, r, w, j/.

Bagi Mohd Isa Farhy (1971), beliau menjelaskan bahawa semua sembilan vokal yang terdapat dalam bahasa Melayu (yang menurut M. Yunus (1980) hanya ada enam vokal dalam bahasa Melayu standard dan tiga yang lain dikatakan saling menggantikan) turut terdapat dalam bahasa Kerinci. Malah, hasil kajian beliau turut menunjukkan penggunaan vokal [ʌ] dalam kata seperti [ikʌ:n] 'ikan', [taŋʌ:n] 'tangan' dan [atʌ:p] 'atap'. Selain itu, beliau tidak menjelaskan secara khusus bilangan konsonan dalam bahasa Kerinci. Namun, hasil kajiannya menunjukkan semua konsonan yang ada dalam bahasa Melayu turut terdapat dalam bahasa Kerinci tanpa membincangkan statusnya sama ada bertaraf fonem atau bukan fonem.

Masalah tentang status segmen dasar juga kurang jelas kerana kajian Voorhoeve (1970), Kozok (2012), Mohd Isa Farhy (1971), Reijn (2001), Rozaimah dan Nor Diyana (2011), Nova dan Fadlul (2016), Roasharimah

(2009), Ernanda (2011 & 2015), Amir Hakim Usman (1988), Wulandari et al. (2014) dan McKinnon (2011) turut memasukkan segmen /ɛ, ɔ, ʔ/ dan /f, v, z, ʃ, x, q/ ke dalam inventori fonem bahasa Kerinci. Berbeza dengan analisis fonologi generatif, segmen /ɛ, ɔ, ʔ/ dianalisis sebagai segmen terbitan kerana kehadirannya boleh diramal dan mempunyai lingkungan penyebaran yang terhad dalam kata. Bagi segmen /f, v, z, ʃ, x, q/, ia sering dianalisis sebagai segmen pinjaman kerana diserap masuk daripada bahasa asing, iaitu bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Oleh sebab terdapat perbezaan pendapat tentang jumlah dan status segmen vokal dan konsonan, maka penilaian semula terhadap inventori segmen bahasa Kerinci akan dilakukan dan dianalisis berdasarkan proses alternasi morfem beserta lima kriteria yang dapat menentukan representasi dalaman sesebuah bahasa, iaitu kebolehamalan (*predictability*), kealamiahian (*naturalness*), ekonomi (*simplicity*), keselarasan pola (*pattern congruity*) dan penyebaran (Hyman, 1975, Kenstowicz & Kisseberth, 1979 dan Zaharani, 1993). Analisis tentang inventori segmen sangat penting untuk menentukan status segmen vokal dan konsonan sama ada bertaraf fonem, segmen terbitan atau sebagai segmen pinjaman.

Seterusnya, kajian tentang rangkap vokal juga menunjukkan jenis dan jumlah yang berbeza-beza dalam kalangan setiap pengkaji. Kajian Reijn (2001) misalnya, mengemukakan sepuluh jenis rangkap vokal antaranya /au, ai, ei, eu, eo, uo, ae, ue, ua, ea, ia/. Kajian Nova dan Fadlul (2016) pula berpendapat ada 16 rangkap vokal, iaitu /aa, ae, ai, ao, aʔ, au, ee, ia, ii, io, iʔ, oo, ua, ue, uu, ʔʔ/ manakala Ernanda (2011 & 2015) berpendapat ada 12 rangkap vokal antaranya /ɛu, au, ou, ea, ai, ei, ua, aa, ae, oi, ao, ia/. Perbezaan pendapat tentang jenis dan jumlah rangkap vokal ini menimbulkan kesukaran untuk membentuk satu justifikasi tentang rangkap vokal dalam bahasa Kerinci.

Kajian tentang diftong juga menunjukkan jumlah yang berbeza-beza. Wulandari et al. (2014) mengemukakan sepuluh jenis diftong antaranya /ia, ua, au, ai, ae, oi, ow, aw, aj, oj/. Mohd Isa Farhy (1971) pula berpendapat diftong bahasa Kerinci ialah /aj, aw, əj, ow, ɔu, ao, iə/. Bagi Amir Hakim Usman (1988), beliau mengemukakan tujuh jenis diftong, iaitu /ej, ow, ew, aj, aw, oj, ew/. McKinnon (2011) juga berpendapat ada tujuh diftong, namun kajiannya menunjukkan jenis diftong yang berlainan, iaitu /iy, iw, əe, ʌe, əo, ae, ao/. Berdasarkan perbezaan tersebut, maka penilaian semula tentang ciri dan jenis rangkap vokal dan diftong bahasa Kerinci akan dilakukan untuk menghasilkan generalisasi yang berpada tentang kedua-dua aspek tersebut.

1.6.3 Debukalisasi dan asimilasi fitur di rima akhir kata

Hasil kajian Mohd Isa Farhy (1971), Reijn (2001), Rozaimah dan Nor Diyana (2011), McKinnon (2011), Ernanda (2011), Nova dan Fadlul (2016), Roasharimah (2009) dan Amir Hakim Usman (1988) menunjukkan bahawa berlakunya perubahan terhadap vokal /a, i, u/, konsonan frikatif /s/ dan konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ yang berada di rima akhir kata. Sungguhpun demikian, hasil kajian oleh Kozok (2012) dan Voorhoeve (1970) mengekalkan bunyi vokal atau konsonan /s/ yang berada di rima akhir kata contohnya seperti kata 'digalas', 'batas', 'keris' dan 'menghunus' dieja sebagai *digalas*, *batas*, *karris* dan *mangoenoes*.

Bagi konsonan /p, t, k/ yang berada di posisi koda suku kata pula, terdapat kekeliruan apabila hasil kajian oleh Roasharimah (2009) menunjukkan bahawa hanya segmen vokal yang mendahului konsonan tersebut sahaja yang berubah, manakala bunyi konsonan dikekalkan sebagai [p, t, k]. Hal ini tidak dapat menghasilkan justifikasi yang berpada kerana dalam bahasa Kerinci, didapati bahawa vokal /u/ dan konsonan /p, t, k/ di rima akhir kata akan mengalami perubahan bunyi. Hal ini jelas berbeza dengan hasil kajian Nova dan Fadlul (2016), McKinnon (2011) dan Amir Hakim Usman (1988) yang menunjukkan perubahan bunyi bagi segmen vokal /u/ yang diikuti oleh konsonan /p, t, k/ di posisi yang sama dalam kata.

Walaupun kajian bahasa Kerinci sebelum ini ada menghuraikan tentang perubahan vokal /a, i, u/ dan konsonan /s/ serta /p, t, k/ di rima akhir kata, namun analisis yang dilakukan kebanyakannya menggunakan pendekatan fonologi generatif model linear. Berdasarkan analisis linear, proses yang berlaku dijelaskan dari segi perubahan fitur. Namun, sejajar dengan perkembangan teori fonologi, analisis berdasarkan pendekatan non-linear atau teori autosegmental menangani perubahan tersebut akibat daripada proses asimilasi yang melibatkan penyebaran fitur, dan bukan berdasarkan perubahan fitur semata-mata. Oleh itu, hasil kajian lalu akan dimanfaatkan dan diberi penilaian semula untuk menjelaskan sebab dan bagaimana perubahan vokal /a, i, u/ dan konsonan /s/ dan /p, t, k/ berlaku di rima akhir kata bahasa Kerinci.

1.6.4 Penyukuan vokal tinggi

Data kajian bahasa Kerinci sebelum ini menunjukkan terdapat suatu proses fonologi yang menghalang vokal [+tinggi] hadir di nukleus suku kata akhir. Sebagai contoh, hasil kajian Mohd Isa Farhy (1971) dan Nova dan Fadlul (2016) ada mengemukakan kata /api/, /laku/, /sisik/ dan /mulut/ yang diujarkan sebagai [apai], [lakaw], [si.soj?] dan [mũ.law?]. Berdasarkan data, vokal /i/ dan /u/ di nukleus suku kata akhir akan direalisasikan sebagai bunyi geluncuran [j] dan [w]. Namun, analisis tentangnya tidak dibincangkan kerana kajian sebelum ini lebih berfokus kepada usaha mencari pasangan minimal, bunyi yang

penyebarannya saling melengkapi, varian atau bunyi yang berkelainan bebas yang lebih bersifat sains pengelasan. Bagi Chomsky (1965), kajian seperti ini hanya mencapai tahap kepadaan pemerhatian (*observation adequacy*).

Menurut Chomsky (1965), terdapat tiga tahap yang perlu dicapai dalam sesuatu kajian linguistik, iaitu kepadaan pemerhatian (*observation adequacy*), kepadaan pemerian (*descriptive adequacy*) dan kepadaan penjelasan (*explanatory adequacy*). Daripada ketiga-tiga tahap tersebut, tahap kepadaan penjelasan merupakan peringkat analisis tertinggi yang mendasarkan kajian kepada prosedur penemuan selain mampu merumuskan satu teori umum yang lebih luas atau sejagat secara deduktif mengenai struktur bahasa-bahasa dunia (Chomsky, 1957). Oleh itu, proses fonologi yang berlaku harus dijelaskan dari segi segmen yang berubah, jenis perubahan yang berlaku dan sebab perubahan tersebut berlaku (Farid, 1984). Maka, keadaan yang menghalang vokal /i/ dan /u/ hadir di nukleus suku kata akhir akan dijelaskan dari segi struktur suku kata berdasarkan teori fonologi autosegmental. Perubahan yang berlaku juga akan dijelaskan dengan menggunakan model skeletal KV yang terdapat dalam teori tersebut.

1.7 Objektif kajian

Matlamat utama kajian fonologi adalah untuk menjelaskan proses fonologi yang berlaku dalam sesuatu bahasa. Oleh itu, kajian ini bertujuan menyelesaikan permasalahan kajian yang telah dikemukakan dalam bab 1.6 sebelum ini dengan cara yang berikut:

- i) Mengetahui pasti struktur suku kata dasar bahasa Kerinci.
- ii) Mengetahui pasti inventori segmen bunyi dalam bahasa Kerinci.
- iii) Menghasilkan rumus fonologi autosegmental yang menunjukkan proses debukalisasi dan asimilasi fitur di rima akhir kata.
- iv) Menghasilkan rumus fonologi autosegmental yang menunjukkan proses penyukuan vokal tinggi di nukleus suku kata akhir.

1.8 Persoalan kajian

Terdapat empat persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini, iaitu:

- i) Apakah struktur suku kata dasar bahasa Kerinci?
- ii) Apakah inventori segmen bunyi dalam bahasa Kerinci?
- iii) Mengapa proses debukalisasi dan asimilasi fitur di rima akhir kata berlaku?
- iv) Mengapa proses penyukuan vokal tinggi di nukleus suku kata akhir berlaku?

1.9 Batasan kajian

Kajian ini dilakukan untuk menjelaskan struktur suku kata dasar bahasa Kerinci, inventori segmen bunyi, proses debukalisasi dan asimilasi fitur yang berlaku di rima akhir kata, serta penyukuan vokal tinggi yang melibatkan vokal /i/ dan /u/ di nukleus suku kata akhir. Oleh itu, pemilihan data akan berfokus kepada kata tunggal dan kata terbitan yang menunjukkan proses alternasi morfem yang berkaitan dengan isu yang dikaji. Untuk kajian ini, sebanyak 300 kata telah dikumpulkan (Rujuk lampiran E). Data kemudiannya dianalisis dengan menggunakan teori fonologi generatif model non-linear atau teori autosegmental yang dipelopori oleh Goldsmith (1976 & 1990).

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif, iaitu kajian kes yang bertujuan mengkaji fonologi bahasa Kerinci dialek Semerap. Oleh itu, informan dipilih dalam kalangan penutur Kerinci Semerap yang berusia 50 tahun ke atas (lima lelaki dan lima wanita) yang lahir di Desa Semerap, Kabupaten Kerinci, Indonesia. Walaupun lahir di Indonesia, namun informan telah tinggal di Malaysia dalam jangka masa 30 tahun ke atas. Informan juga dihadkan dalam kalangan individu yang menerima pendidikan formal yang terhad, mempunyai interaksi formal yang terbatas serta masih aktif menggunakan bahasa Kerinci. Batasan ini dilakukan bertujuan mendapatkan pertuturan bahasa Kerinci yang masih belum berasimilasi sepenuhnya dengan bahasa Melayu.

Kampung Batu 21, Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor dipilih sebagai lokasi kajian kerana kawasan tersebut mempunyai penutur bahasa Kerinci dialek Semerap yang menepati ciri informan yang diperlukan. Selain itu, hasil kajian Radcliffe (1969) mendapati bahawa 80% populasi penduduk di daerah Hulu Langat pada tahun 1990-an merupakan orang Sumatera. Oleh itu, kebarangkalian jumlah penutur Kerinci yang ada di lokasi tersebut pada masa kini sangat tinggi, selain keberadaan penutur Kerinci generasi baharu yang berkembang daripada penutur Kerinci daripada generasi terdahulu.

Dari segi tempoh pengumpulan data, masa yang diambil adalah selama lima tahun, iaitu selama sepuluh semester pengajian, dari Ogos 2012 hingga September 2017. Sepanjang tempoh tersebut, maklumat tentang isu yang dikaji akan ditambah dan dimurnikan dari semasa ke semasa. Oleh sebab pengkaji juga menetap di lokasi kajian, maka informan akan dirujuk kembali sekiranya terdapat permasalahan tentang data yang dikumpulkan sebelum ini. Selain itu, batasan kajian juga dihadkan kepada isu yang dikaji sahaja tanpa menyentuh isu sensitif seperti politik, agama dan sentimen yang bersifat perkauman.

1.10 Kepentingan kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan menyalurkan pengetahuan yang berkaitan dengan sistem bunyi bahasa Kerinci. Pengetahuan tentang bahasa Kerinci penting untuk membezakannya dengan bahasa Melayu walaupun keduanya mempunyai hubungan kekeluargaan antara satu sama lain. Selain itu, kajian juga sangat penting untuk menunjukkan bahawa sistem fonologi bahasa Kerinci yang dituturkan di Malaysia berbeza dengan sistem fonologi bahasa Kerinci induk yang dituturkan di Indonesia. Oleh itu, pemahaman yang jelas tentangnya sangat penting untuk membezakan sistem fonologi jenis bahasa Kerinci yang dikaji selain dapat mengelakkan kekeliruan dalam memahami analisis yang berkaitan dengan sistem bunyi bahasa Kerinci.

Malahan juga, kajian ini diharap dapat menarik perhatian pelbagai pihak, khususnya dalam kalangan pengkaji tempatan untuk mendalami dan mengkaji bahasa daerah yang bersifat *minor language* yang dituturkan di Malaysia sebelum ia berasimilasi sepenuhnya dengan budaya dan bahasa masyarakat tempatan. Paling penting, kajian ini diharap dapat menarik perhatian dalam kalangan ahli fonologi dalam membantu memperkembang dan mempelbagai analisis yang berkaitan dengan sistem bunyi.

Kajian juga dilakukan untuk membantu memperkaya perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu melalui penggunaan istilah yang terdapat dalam bahasa serumpun termasuklah bahasa Kerinci. Seperti yang dijelaskan oleh Mohd. Sharifudin (2011), proses mencari padanan bahasa Melayu bagi suatu istilah asing perlu dimulai dengan dialek, bahasa sukuan atau bahasa serumpun berbanding dengan bahasa pinjaman lain seperti bahasa Arab atau bahasa Inggeris. Hal ini penting kerana perbendaharaan kata daripada bahasa sukuan mahu pun bahasa serumpun dapat membantu perkembangan bahasa Melayu ke arah yang lebih dinamik selain dapat memberi sumbangan terhadap pembinaan bahasa Melayu sendiri.

Selain itu, kajian ini dilakukan untuk menyalurkan pengetahuan tentang analisis berdasarkan teori fonologi autosegmental. Sebelum ini, kajian fonologi sering dianalisis dengan menggunakan pendekatan linear. Namun, pendekatan non-linear didapati lebih berkesan dalam menangani isu fonologi yang berlaku dalam sesuatu bahasa. Dengan kata lain, kajian ini berusaha memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kaedah analisis berdasarkan teori fonologi autosegmental. Pada masa yang sama, kajian ini diharap dapat menarik minat ahli fonologi untuk menangani perilaku fonologi yang berlaku dalam sesebuah bahasa dengan menggunakan teori fonologi mutakhir supaya hasil kajian lebih terkini sejajar dengan peredaran masa.

1.11 Definisi operasional

Terdapat enam definisi operasional yang akan dibincangkan dalam bahagian ini, iaitu yang berkaitan dengan definisi bahasa, dialek, fonemik, fonetik, fonologi dan fonologi generatif. Setiap definisi yang dikemukakan akan dibincangkan satu persatu supaya analisis tentangnya lebih mudah difahami.

1.11.1 Definisi bahasa

Bahasa ialah satu sistem lambang bunyi suara arbitrari (sifat bahasa yang menunjukkan tiadanya kepadanan fizikal yang semua jadi antara bentuk bahasa dengan entiti sebenar) yang digunakan untuk berinteraksi antara satu sama lain. Definisi bahasa dalam kajian ini merujuk kepada bahasa Kerinci yang tergolong sebagai ragam bahasa, dan bukannya dialek. Hal ini berdasarkan konsep kefahaman menyalang yang rendah, iaitu kesukaran memahami pertuturan secara timbal balik antara penutur Kerinci dengan penutur Melayu, dan penutur daripada bahasa lain.

1.11.2 Definisi dialek

Dialek ialah kelainan bahasa yang berbeza dengan bahasa baku atau bahasa standard terutama dari aspek sebutan, tatabahasa dan kosa kata. Dalam kajian ini, kelainan bahasa yang difahami oleh individu yang bertutur dan yang dilawan bertutur dianggap sebagai dialek. Dialek yang dimaksudkan merujuk kepada dialek geografi atau kawasan, iaitu kelainan yang dituturkan dalam satu kelompok masyarakat tertentu, contohnya dialek Kedah, dialek Kelantan, dialek Ambon, dialek Medan, dialek Jakarta dan lain-lain.

1.11.3 Definisi fonemik

Fonemik ialah suatu sistem yang menganalisis fonem sebagai satu unit bunyi yang berbeza-beza secara eksplisit (jelas) dan boleh membezakan makna. Fonemik dalam kajian ini merujuk kepada struktur dalaman (*underlying structure*) yang bersifat abstrak yang terdapat di dalam otak dan tidak disebut oleh alat ujaran manusia. Lambang transkripsi fonemik dikemukakan dengan menggunakan tanda kurung palang, ditulis dalam bentuk segmen dan tidak disertakan dengan penyukuan suku kata, contohnya /dua/ 'dua'.

1.11.4 Definisi fonetik

Bidang fonetik mengkaji kelakuan bunyi dari segi cara artikulasi, bentuk akustik dalam udara, dan persepsi pendengar tentangnya berdasarkan deria

pendengaran. Bidang fonetik yang diberikan tumpuan dalam kajian ini ialah fonetik artikulasi yang berfokus kepada penghasilan bunyi bahasa atau struktur luaran. Transkripsi fonetik dilambangkan dengan menggunakan tanda kurung siku, ditulis dalam bentuk segmental atau suprasegmental dan disertakan dengan tanda penyukuan suku kata seperti [du.wa] 'dua'.

1.11.5 Definisi fonologi

Fonologi ialah bidang yang mengkaji hubungan antara struktur dalaman (fonemik) dan struktur luaran (fonetik). Fonologi bertumpu kepada kajian tentang sistem bunyi yang mempunyai makna dan fungsinya dalam sesuatu bahasa. Dalam kajian ini, analisis fonologi bertujuan menunjukkan pola bunyi distingtif bahasa Kerinci yang disusun dalam satu sistem bezaan dan kemudiannya dianalisis dari segi fonem, fitur distingtif atau aspek fonologi yang lain berdasarkan pendekatan atau teori yang digunakan.

1.11.6 Definisi fonologi generatif

Fonologi generatif ialah analisis yang mengkaji struktur bunyi sesuatu bahasa. Fonologi generatif menerapkan rumus pada dua peringkat representasi, iaitu representasi fonemik (dalaman) dan representasi fonetik (luaran). Dalam kajian ini, kata yang sudah sedia terbentuk dalam representasi fonemik akan diterbitkan kepada representasi fonetik melalui rumus fonologi. Analisis fonologi generatif menolak fonem sebagai unit terkecil nahu yang membezakan makna, sebaliknya digantikan dengan fitur distingtif.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hakam (2008). Kerinci: Sejarah Penghijrahan dan Petempatan Orang Kerinci (1850-1963). *Ijazah Sarjana Muda Sastera*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahim Mat Yassim (2004). Pertuturan Gagap dan Rawatannya: Kes Komunikasi dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. Jil.4. Bil.4. 607-638.
- Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah Mohamed (2010). Orang Pekak sebagai Cacat atau Pengguna Minoriti Bahasa: Perspektif Perubatan dan Linguistik. *Jurnal Bahasa*. Jil.10. Bil.1. 136-161.
- Adelaar, K. A. (1992). Proto-Malayic: The Reconstruction of its Phonology and Parts of its Morphology and Lexicon. *Canberra: Pacific Linguistic. Series C No.119*.
- Adi Yasran Abdul Aziz (1999). Definisi Ciri Bahasa. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu: Bahasa Wahana Ilmu*. Bil.1. 1-16.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2005). Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti. *Tesis Doktor Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2006). Inventori Vokal Dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula. *Prosiding Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2007). Syarat Koda Suku Kata Dialek Kelantan berdasarkan Teori Optimaliti. dlm. Adi Yasran Abdul Aziz (et. al.) (pnyt.), *Cendekia*. Serdang: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2010). Inventori Vokal Dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Linguistik*. Vol.11. 1-19.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2011). Suku Kata Dasar Dialek Kelantan berdasarkan Teori Optimaliti. *GEMA Online Journal™ of Language Studies*. Vol.11(2). 121-136.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2012). Analisis Koda berdasarkan Kekangan dalam Dialek Kelantan. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Vol.12(4). 1127-1145.
- Adi Yasran et al. (2014). Pengglotisan Geseran /s/ dalam Bahasa Kerinci. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol.14(3). 225-242.
- Adnan Haji Nawang (1997). *Kuala Lumpur dari Perspektif Haji Abdullah Hukum*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Amir Hakim Usman (1983). Pengkajian Bahasa Kerinci. *Jurnal Dewan Bahasa*. Vol. 30(10). 181-187.
- Amir Hakim Usman (1988). Fonologi dan Morfologi Bahasa Kerinci Dialek Sungai Penuh. *Disertasi Doktor Ilmu Sastra*. Jakarta: Universitas Indonesia.
- Asmah Haji Omar (1995). *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2005). *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar (2015). Kampar dalam Geolinguistik dan Geobudaya Melayu. *Jurnal Bahasa*. Jil.15. Bil.2. 201-218.
- Asmah Haji Omar et al. (2013). *Bahasa Minangkabau Mukim Sesapan Batu Minangkabau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Mohd Rasol (2005). Orang Kerinchi di Selangor: Sejarah Penghijrahan, Penempatan dan Perkembangan (1800-1957). *Ijazah Sarjana Muda Sastera*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badan Pusat Statistik Kabupaten Kerinci (2015). *Kerinci dalam Angka 2015*. Badan Pusat Statistik Kabupaten Kerinci.
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (2010). *Taburan Penduduk mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim*. Jabatan Perangkaan Negara Malaysia.
- Beckman, M. E. & Pierrehumbert, J. B. (1986). Intonational Structure in Japanese and English. *Phonology Yearbook* 3. 255-309.
- Bolinger, D. (1986). *Intonation and Its Parts: Melody in Spoken English*. Stanford University Press, [ISBN 0-8047-1241-7](https://doi.org/10.1017/CBO9780511524177).
- Browman, C. & Goldstein, L. (1986). Towards an Articulatory Phonology. *Phonology Yearbook* 3. 219-252.
- Catford, J. C. (1977). *Fundamental Problems in Phonetics*. Indiana: University India Press.
- Chomsky, N. (1965). *Aspects of the Theory of Syntax*. Cambridge: Massachusetts Institute of Technology Press.
- Chomsky, N. (1957). *Syntactic Structures*. The Hague: Mouton.
- Chomsky, N. & Halle, M. (1968). *The Sound Pattern of English*. New York.
- Clements, G. N. & Hume, E. V. (1995). The Internal Organization of Speech Sounds. in: Goldsmith, J. A. *The Handbook of Phonological Theory*. Cambridge: Blackwell.
- Clements, G. N. & Keyser, J. K. (1983). CV Phonology: A Generative Theory of the Syllable. Edited by S. J. Keyser. *Linguistic Inquiry Monograph* 9. Cambridge: Massachusetts Institute of Technology Press.
- Daftar Nama Kecamatan dan Kedepatian di Kabupaten Kerinci, Provinsi Jambi www.organisasi.org/1970/01/daftar-nama-kecamatan-kelurahan-desa-kodepos-di-kota-kabupaten-kerinci-jambi.htm1 (Atas talian) Muat Turun 13 April 2015.
- Davenport, M. & Hannas, S. J. (1998). *Introducing Phonetics and Phonology*. London: Great Britain.
- Davis, S. (1985). Topics in Syllable Geometry. *Doctoral Dissertation*. University of Arizona.
- de Lacy, P. (2002). The Formal Expression of Markedness. *Doctoral Dissertation*. Amherst: University of Massachusetts. http://roa.rutgers.edu/files/542_0902/542-09021-0.PDF. (Atas Talian) Muat Turun 16 Februari 2017.
- Duanmu, S. et al. (2005). Stress and Syllable Structure in English: Approaches to Phonological Variations. *Taiwan Journal of Linguistics* Vol.3.2. 45-78.
- Elder, S. & Co. (1852). *A Grammar and Dictionary of the Malay Language: with a Preliminary Dissertation*, Vol.2. Crawford, J. (Author). London: 65, Cornhill.
- Ernanda (2011). On the Loss of the Phrasal Alternation in the Pondok Tinggi Dialect of Kerinci: A Stochastic Optimality Theory Approach. *Tesis Sarjana*. Nijmegen University.

- Ernanda (2015). Phrasal Alternation in the Pondok Tinggi Dialect of Kerinci an Intergenerational Analysis. *Wacana*. Vol.16. No.2. 355-382.
- Ernawita Atan dan Rahim Aman (2011). Kajian Rintis Bahasa Minangkabau. dlm. Zaitul Azma et al. (pynt.) *Kedinamikan Bahasa dalam Budaya: Isu dan Trend*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ethics And Disciplines In Research*, Universiti Putra Malaysia Rules (Research) 2012. http://www.rmc.upm.edu.my/upload/dokumen/PTPPY1_kaedah_pmbi.pdf (Atas talian) Muat Turun 12 Ogos 2017.
- Farid M. Onn (1980). *Aspect of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farid M. Onn (1984). Konsep-Konsep Dasar Teori Fonologi Generatif. *Seminar Linguistik Transformasi-Generatif* (3-5 Ogos 1984: Kuala Lumpur).
- Gawron, J. M. (2006). *Weakening and Assimilation*. <https://gawron.sdsu.edu/intro/historical/comparative/weakening.pdf> (Atas talian) Muat Turun 29 Mac 2018.
- Goldsmith, J. A. (1976). *Autosegmental Phonology*. Cambridge: Massachusetts Institute of Technology.
- Goldsmith, J. A. (1990). *Autosegmental and Metrical Phonology*. Oxford, United Kingdom: Basil Blackwell.
- Gordon, M. (2002). Weight-by-Position Adjunction and Syllable Structure. *Lingua* 112. 901-931.
- Gordon, M. et al. (2012). Sonority and Central Vowels: A Cross-Linguistic Phonetic Study, 2012, *In The Sonority Controversy*. Edited by Steve Parker, pp. 219-256. Mouton de Gruyter (co-authored with Ghushchyan, E., McDonnell, B., Rosenblum, D. & Shaw, P).
- Halle, M. (1992). Phonological Features. Bright, W. (ed.). *International Encyclopaedia of Linguistics*. Vol.3. New York: Oxford University Press.
- Halle, M. (1995). Feature Geometry & Feature Spreading. *Linguistic Inquiry* 26. 146.
- Hayes, B. (1986). Inalterability in CV Phonology. *Language* 62. 321-351 in Jill N. Beckman, Laura Walsh Dickey & Suzanne Urbanczky, eds., *University of Massachusetts Occasional Papers in Linguistics 18: Papers in Optimality Theory*. Amherst: University of Massachusetts, Graduate Linguistics Student Association.
- Hayes, B. (1989). Compensatory Lengthening in Moraic Phonology. *Linguistic Inquiry*. Vol.20. 253-306.
- Hayes, B. (1995). *Metrical Stress Theory: Principles and Case Studies*. Chicago: University of Chicago Press.
- Hayes, B. (2009). *Introductory Phonology*. United Kingdom: Wiley-Blackwell.
- Hyman, L. M. (1975). *Phonology: Theory and Analysis*. United State of America: University of Southern California.
- Itô, J. (1986). Syllable Theory in Prosodic Phonology. *Doctoral Dissertation*. Amherst: University of Massachusetts.
- Jakub Isman (1958). *Kerinci Phonology*. Bloomington: Indiana University.
- Jones, D. (1972). *An Outline of English Phonetics*. New York: Cambridge University Press.
- Jorgensen, D. L. (1989). Participant Observation: A Methodology for Human Studies. *Applied Social Research Method Series*. Vol.15. Newbury Park, California: Sage.

- Kager, R. (1993). Alternatives to the Iambic-Trochaic Law. *Natural Language and Linguistic Theory* 11. 381-432.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2010). Noresah et al. (edit.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenstowicz, M & Kisseberth, C. (1979). *Generative Phonology*. New York: Academic Press.
- Kozok, Uli. (2012). Manuskrip Melayu Abad ke-14 dari Kerinci. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 3:2. 85-104
- Laporan Kisah Sungai Lui, Institut Hal Ehwal Kebudayaan, Kuala Lumpur, Mac 1980, hlmn. 2.
- Lass, R. (1976). *English Phonology and Phonological Theory*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Leer, J. (1985). Toward a Metrical Interpretation of Yupik Prosody, in Micheal Krauss (ed.), *Yupik Eskimo Prosody Systems: Descriptive and Comparative Studies*. *Alaska Native Language Centre Research Papers, Fairbanks*. 159-173.
- Levin, J. (1984). Condition on Syllable Structure and Categories in Klamath Phonology. *Proceedings of WCCFL 1984*.
- Levin, J. (1985). A Metrical Theory of Syllabicity. *Doctoral Dissertation*. Cambridge: Massachusetts Institute of Technology.
- Lindblom, B. (1963). Spectrographic Study of Vowel Reduction. *J. Acoust. Soc. Am.* 35. 1773-1781.
- Lombardi, L. (2001). Why Place and Voice are Different: Constraint – Specific Alternation in Optimality Theory. Lombardi, L. (ed.) in *Segmental Phonology in Optimality Theory. Constraints and Representation*. New York: Cambridge University Press.
- M. Yunus Maris (1980). *The Malay Sound System*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Malmberg, B. (1968). *Manual of Phonetics*. England: Penguin Book.
- Marohaini Yusoff (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mataim Bakar (2007). *The Phonotactics of Brunei Malay: An Optimality Theoretic Account*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McCarthy, J. J. (1979a). Normal Problems in Semitic Phonology and Morphology. *Doctoral Dissertation*. Massachusetts Institute of Technology. Distributed by Indiana University Linguistics Club. Published by Garland Press, New York, 1985.
- McCarthy, J. J. (1979b). On Stress and Syllabification. *Linguistic Inquiry*. 10. 443-465.
- McCarthy, J. J. (1981). A Prosody Theory on Nonconcatenative Morphology. *Linguistic Inquiry*. 12. 373-418.
- McCarthy, J. J. (1988). Feature Geometry and Dependency: A Review. *Phonetica* 43. 84-108.
- McCarthy, J.J & Prince, A.M. (1993a). Generalized Alignment. In Booij, G. & Marle, J. (eds.). *Yearbook of Morphology 1993*, hlmn. 79-153 Dordrecht: Kluwer. Technical Report #7, Rutgers University Center for Cognitive Science, 1993. <http://roa.rutgers.edu/view.php?roa=7> (Atas talian) Muat turun 15 Disember 2017.
- McCarthy, J.J. & Prince, A.M. (1993b). *Prosodic Morphology I: Constraint Interaction and Satisfaction*. Amherst: Massachusetts Institute of

- Technology Press. Technical Report #3, Rutgers University Centre for Cognitive Science.
- McKinnon, T. A. (2011). The Morphology and Morphosyntax of Kerinci Word Shape Alternations. *Doctoral Dissertation*. University of Delaware.
- Mester, A. (1968). Studies in Tier Structure. *Doctoral Dissertation*. Amherst: University of Massachusetts.
- Mohd Tarmizi et al. (2013). Inovasi dan Retensi dalam Dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 13(3). 211-222.
- Mohd. Isa Farhy Yassin (1971). Sistim Bunyi Loghat Kerinci dan Perbandingannya dengan Bahasa Melayu Standard. *Majalah Dewan Bahasa*. Vol. XIII(3). 162-169.
- Mohd. Majid Konting (1990). *Kedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Sharifudin Yusop (2011). Status Dialek Duano dan Dialek Kanaq berdasarkan Petunjuk Sosioantropologi Bahasa. *Kedinamikan Bahasa dan Budaya: Isu dan Trend*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Motte, M. (2013). Vowel Hiatus Resolution in Ewe. *Master Dissertation*. Norwegian University of Science and Technology (NTNU).
- Nandra (1999). Diftongisasi dalam Bahasa Minangkabau Umum. *Puitika: Jurnal Humaniora Edisi 7*. 1-4.
- Nelmawarni dan Nordin (2011). Merantau ke Kuala Lumpur: Tradisi merantau dan Berdagang Masyarakat Minang. *GEOGRAFIA™ Online Malaysian Journal of Society and Space 7 Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development*. 116 – 131.
- Nikelas, Syahwin et. al (1979). *Struktur Bahasa Kerinci*. Padang: Proyek Penelitian Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah Sumatra Barat.
- Nik Safiah Karim et al. (2010). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aina Dani (2004). Teori dan Realiti Perubahan Bahasa: daripada Bahasa Ibunda kepada Bahasa Melayu. *Monograf Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu: Bahasa Wahana Ilmu. Bil.9*. 45-56.
- Noor Azureen Hamid @ Ahmed & Tajul Aripin Kassim (2013). Analisis Fonologi Autosegmental dalam Proses Penyebaran Fitur Geluncuran Dialek Melayu Saribas. *Jurnal Bahasa*. Vol.13(2). 217-242.
- Noor Azureen dan Sharifah Raihan (2017). Asimilasi Homorganik Nasal Dialek Melayu Saribas. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol.17(2). 192-218.
- Norfazila Ab. Hamid dan Rahim Aman (2014). Proses Pemanjangan Vokal dalam Dialek Hulu Sik Kedah: Satu Penerapan Teori Fonologi Generatif Model Non Linear. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol.9. No.2. 195-204.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2007). *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed (2004). *Beberapa Topik Asas Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Nova Rina dan Fadlul Rahman (2016). Analisis Absolute dan Oblique dalam Bahasa Kerinci Isolek Pulau Tengah. *Jurnal Arbitrer*. Vol.3. No.2. 67-82.

- Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2015). Derivasi Rumus Reduksi Vokal dan Pembentukan Glotis dalam Bahasa Kerinci. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol.15(3). 83-97.
- O'Brien, J. (2010). *Perception and English t-glottalization*. Ms., Santa Cruz: University of California.
- O'Brien, J. (2012). An Experimental Approach to Debuccalisation & Supplementary Gestures. *Doctoral Dissertation*. Santa Cruz: University of California.
- Odden, D. (2011). Rules v. Constraints in Goldsmith et al. (ed.) *The Handbook of Phonological Theory, Second Edition*. Blackwell Publishing. Ltd.
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Othman Talib (2013). *Asas Penulisan Tesis, Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Paitoon M. Chaianara (2008). Dinamika Fonotaktik dalam Bahasa Melayu: Transfonologisasi Dalaman dan Luaran. *Jurnal e-Utama*. Jil.1. 34-42.
- Pater, J. (1996). Austronesian Nasal Substitution and other NÇ effects*. Final Version: To appear in Kager, René, Harry van der Hulst, and Wim Zonneveld (eds.), *The Prosody Morphology Interface*. Cambridge University Press.
- Peta Kota Sungai Penuh dan Kabupaten Kerinci, Jambi <http://emisiofyar.blogspot.com/2013/02/uniknyabahasadaerahkukerinci.html> (Atas talian) Muat turun 24 April 2015.
- Pike, K. L. (1962). *Phonemics*. Michigan: The University of Michigan Press.
- Prentice, D. J & Usman, A. H. (1978). Kerinci Sound-Changes and Phonotactics. *Pacific Linguistics*. Series C-No.61. Canberra: The Australian National University.
- Radcliffe, D. (1969). The Peopling of Ulu Langat. *Southeast Asia Program Publications of Cornell University*. No.8. 155-182.
- Raja Masittah Raja Ariffin (2007). Status Penggunaan Bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia. *Tesis Doktor Falsafah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Redzuan Othman (Terj.) (1980). *Sejarah Serendah 1880-1940*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya.
- Reijn, E. O. V. (1990). Texts from Kumun (Kerinci). *Miscellaneous Studies of Indonesian and Other Languages in Indonesia*, Part X. (Bambang Kaswanti Purbo ed.). *NUSA* 32, 63-92.
- Reijn, E. O. V. (1974). Some Remarks on the Dialects of North Kerintji: A link with the Mon-Khamer Languages. *JAMBRAS* Vol.47. No.2 (226). 130-138.
- Reijn, E. O. V. (2001). *Sijaro Panta: A Folktale from Kumun, Kerinci : Text, Translation, Vocabulary, and Sketch of Kumun Phonology*. Jakarta: Badan Penyelenggara Seri Nusa, Universitas Katolik Indonesia Atma Jaya.
- Repetti, L. (1993). The Integration of Foreign Loans in the Phonology of Italian. *Italica*. 70(2). 189-196.
- Rifai, Y. (1954). Dialek Kerinci. *Majalah Medan Bahasa*. 4/3. 26-28. Jakarta: Kementerian P. P dan K.
- Roasharimah Ibrahim (2009). *Fonologi Bahasa Kerinchi: Satu Kajian di Kampung Kerinchi*. Jabatan Linguistik, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Roca, I. & Johnson, W. (1999). *A Course in Phonology*. United State of America: Blackwell Publisher Inc.
- Roca, I. (2003). *Generative Phonology: Linguistic Theory Guides*. Edited by Richard Hudson. London and New York: Routledge.
- Rose, S. & Walker, R. (2011). Harmony Systems in Goldsmith et al. (ed.) *The Handbook of Phonological Theory. Second Edition*. Blackwell Publishing. Ltd.
- Rosenthal, S. (1994). Vowel/Glide Alternation in a Theory of Constraint Interaction. *Doctoral Dissertation*. Amherst: University of Massachusetts.
- Rosenthal, S. & Van Der Hulst, H. (1999). Weight by Position. *Natural Language and Linguistic Theory* 17. 499-540.
- Rohaidah Mashudi (1999). *Perbandingan Fonologi: Bahasa Jawa dan Bahasa Melayu di Sabak Bernam, Selangor*. Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Rozaimah Rashidin & Nor Diyana Saupi (2011). Kata Ganti Nama dalam Dialek Kerinci. *Jurnal Linguistik*. Vol. 14. 1-16.
- Sagey, E. C. (1986). The Representation of Features and Relations in Nonlinear Phonology. *Doctoral Dissertation*. United State of America: Department of Linguistics, Massachusetts Institute of Technology.
- Sakinah et al. (2014). Debukalisasi Kata Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Dialek Kelantan. *Jurnal Bahasa* Jil.14. Bil.2. 272-288.
- Samarudin Rejab dan Nazri Abdullah (1982). *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sato Hirobumi @ Rahmat (2015). Hipotesis Bunyi Palatalisasi [nʲ] dan Bunyi Belakang-Gusi [ŋ] dalam Bahasa Melayu: Penjelasan Fonetik Akustik Berkomputer. *Jurnal Bahasa*. Jil.15. Bil.2. 267-290.
- Schane, S. A. (1992) (Terjemahan Zaharani Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin). *Fonologi Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schane, S. A. (1973). *Generative Phonology*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall, Inc.
- Shames, G. H. & Wiig, E. H. (1982). *Dictionary of Applied Linguistics*. England: Longman Group Limited.
- Sharifah Raihan (2017). Pembentukan Struktur Suku Kata Dialek Melayu Kuala Pilah. *Jurnal Bahasa*. Jil.17. Bil.1. 61-83.
- Sherwin, S. (1999). The Sonority Sequencing Principle in Interlanguage Phonology. *Working Paper in Linguistics*. Vol. 6, Fall 1999, 57-74. Editors: Hisagi, M & Bradinova, B. George Mason University: Fairfax, Virginia.
- Spradly, J. P (1979). *The Ethnographic Interview*. New York: Beverly Hills California: Sage.
- Sulaiman Masri (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal dan Tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Suraiya Chapakiya (2017). Fonologi Dialek Melayu Urak Lawoi Berdasarkan Teori Autosegmental. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Sains Malaysia.
- Tajul Aripin Kassin (2005). Penggandaan Separa dalam Dialek Perak: Suatu Analisis Autosegmental. *Jurnal Bahasa*. Jil.5. Bil.3. 162-188.

- Tajul Aripin Kassin (2007). Penyebaran Geluncuran dan Penyisipan Hentian Glotis dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Autosegmental. *Jurnal Bahasa. Jil.7. Bil.1.* 142-158.
- Teoh Boon Seong (1994). *The Sound System of Malay Revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trask, R. L. (1996). *A Dictionary of Phonetics and Phonology*. London: Routledge.
- Trubetzkoy, N. (1939). Principles of Phonology. Originally published in German (*Grundzüge der Phonologie*) as *Travaux du Cercle Linguistique de Prague 7*. Translated by Christiane A. M. Baltaxe. Berkeley and Los Angeles: University of California Press.
- van Oostendorp, M. (2005). Feature Geometry. <https://pdfs.semanticscholar.org/2c10/f4441b654204c12d9e4a77088838aafc667.pdf>. (Atas talian) Muat Turun 5 Januari 2018.
- Voorhoeve, P. (1970). Kerintji Documents. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 126. No. 4. 369-399.
- Wan Ali Hj. Wan Mamat (1988). *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wulandari et al. (2014). Fonologi Bahasa Kerinci di Desa Tanjung Pauh Mudik Kecamatan Keliling Danau Kabupaten Kerinci Provinsi Jambi. *Beranda. Vol.3. No.7.* 1-10.
- Zaharani Ahmad (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Zaharani Ahmad (1996). Teori Optimaliti dan Analisis Deretan Vokal Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa. (40)6.* 512-527.
- Zaharani Ahmad (1998). Phonology and Morphology Interface in Malay: An Optimality Theoretic Account. *Doctoral Dissertation*. Universiti of Essex.
- Zaharani Ahmad (2000). Pemanjangan dan Penyisipan Vokal dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Autosegmental. *Dewan Bahasa. 44(12).* 1202-1221.
- Zaharani Ahmad (2003). Harmoni Vokal dalam Bahasa Rungus dan Dusun Kimaragang: Suatu Analisis Fonologi Autosegmental. *Dewan Bahasa. Jil.3. Bil.4.* 607-623.
- Zaharani Ahmad (2006). Kepelbagaian Dialek dalam Bahasa Melayu: Analisis Tatatingkat Kekangan. *Jurnal e-Bangi. Jil.1. Bil.1.* 1-26.
- Zaharani Ahmad (2007). Proses Asimilasi dalam Bahasa Bisaya: Analisis Fonologi Autosegmental. *Jurnal Bahasa. Jil.7. Bil.1.* 159-180.
- Zaharani Ahmad (2013). *Aspek Fonologi Bahasa Melayu: daripada Derivasi Rumus kepada Tatatingkat Kekangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad dan Teoh Boon Seong (2006). *Fonologi Autosegmental: Penerapannya pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.